



## Kuasa Tamatkan Darurat Di Bawah Jawatankuasa Khas Bebas 2021 – Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi



*Wartawan Samudera*



KUALA LUMPUR, 19 April 2021 – “Keputusan sama ada menamat atau melanjutkan tempoh darurat kini terletak pada nasihat Jawatankuasa Khas Bebas 2021. Seri Paduka Baginda melalui Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 telah memperkenankan untuk bertindak di atas nasihat Jawatankuasa Khas Bebas dalam hal itu,” kata Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain.

Tambah beliau lagi, “Jawatankuasa Khas Bebas yang terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang dan wakil-wakil parti politik sudah pasti perlu menimbangkan banyak faktor sebelum menyebarkan nasihat kepada YDPA tentang kewujudan berterusan darurat besar atau

penamatannya. Setiap aspek perlu diperhalusi dan sewajarnya setiap pandangan direkodkan bagi rujukan rakyat. Rakyat mungkin tertanya-tanya bentuk laporan dan dapatan yang diperolehi sejak penubuhan Jawatankuasa Khas Bebas.”

Manakala, dalam perkara pembukaan Parlimen pula menurut Profesor Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi, kerajaan perlu mengambil kira tuntutan ahli-ahli Parlimen untuk diadakan sidang setidaktidaknya selepas tarikh 1 Ogos 2021 dalam tatacara yang sesuai jika tempoh darurat perlu dilanjutkan.

Dalam ulasan beliau mengenai suara-suara nakal yang mentohmah Yang di-Pertuan Agong (YDPA) AlSultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bahawa Baginda memberi hayat kepada Jemaah Menteri pimpinan YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang sudah kehilangan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat menggunakan darurat, Profesor Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi menegaskan, tohmahan ini adalah tidak benar.

“Nasihat-nasihat yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda dalam Kenyataan Media Istana Negara sesungguhnya mencerminkan kecaknaan Baginda kepada kesejahteraan rakyat, kepentingan negara serta tanggungjawab untuk menegakkan pemerintahan yang adil dan keamanan dalam negara. Kita dapat melihat dengan jelas bahawa kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Seri Paduka Baginda.”

“Baginda mengamalkan sikap yang tidak berkepartian lantaran turut menzahirkan jaminan kepada rakyat bahawa sistem pilihan raya berparlimen di bawah pemerintahan Raja Berpelembagaan yang mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan Persekutuan akan terus dipelihara di negara ini, tegas Profesor Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi.

